

Pintu Ijtihad: Persoalan tentang Penutupannya

Mohamed Azam Mohamed Adil

Abstract

Muslim intellectual as well as Orientalists have assigned varying definition to Ijtihad which influence the discussion on whether there exist Mujtahid nowadays. The controversy gives way to the assumption the the door of Ijtihad is already closed. The article discusses the issue and tries to put forward that the assumption contravenes the principles of al-Quran and al-Sunnah.

Pendahuluan

Ijtihad dari segi bahasa boleh didefinisikan sebagai “berusaha dalam sesuatu perkara”. Dari sudut perundangan Islam pula ia dikenali dengan “kapasiti dalam mengeluarkan sesuatu hukum di dalam perkara-perkara yang belum lagi diijma’kan oleh ulama”¹ Menurut Fazlur Rahman, ia membawa maksud “berfikir semula” atau lebih dikenali dengan “kebebasan dalam mengeluarkan buah fikiran.”²

Rudolph Peters pula mendefinisikan mujtahid sebagai “seseorang yang berusaha dalam mengeluarkan hukum yang berdasarkan kepada sumber undang-undang”.³

Meskipun begitu banyak persoalan mengenai Ijtihad diperkatakan. Sebagai contohnya, Watt mengenal pasti peringkat fungsi Ijtihad, iaitu peringkat asas yang membincangkan perkara-perkara asas dalam pelbagai mazhab dan peringkat khusus yang membicarakan perkara-perkara khusus dalam setiap mazhab. Justeru itu menurut Watt, pintu Ijtihad hanya tertutup bagi peringkat khusus sahaja.⁴ Bagaimanapun, ilmuan selepas beliau seperti al-Taftazani dalam komentarnya terhadap al-Nasafi berpandangan Ijtihad peringkat khusus yang tertutup.⁵

Pandangan di atas telah menimbulkan reaksi kontroversi sama ada wujud atau tidak golongan Mujtahid. Dalam memperkatakan hal ini, Hallaq dalam tahun 1984

berpendapat perkara ini timbul kerana kesalahfahaman ini meningkat dalam literature undang-undang.⁶

Buku-buku rujukan yang diterbitkan semenjak kurun kesembilan belas mengenai Ijtihad mengandungi pengertian yang lebih kurang sama. Definisi oleh Rudolph Peters telah menarik pandangan Asiatic Society di Bengal pada tahun 1962.⁷ Empat tahun kemudian iaitu pada tahun 1896, Edward Sell mendefinisi Ijtihad sebagai “berusaha mencari prinsip-prinsip perundangan”.⁸ Weiss di dalam tahun 1973 memetik definisi oleh Sayl al-Dim (1914) sebagai “berusaha bersungguh-sungguh mencari pandangan dalam perundangan”⁹ Ini diikuti oleh Muhammad Iqbal yang membawa pengertian Ijtihad sebagai “mencari pandangan berasaskan kebebasan berfikir dalam persoalan undang-undang”¹⁰ Bagaimanapun Muhammad Ali (1936) mendefinisikan Ijtihad sebagai “menentukan hukuman”.¹¹

Melihat kepada definisi-definisi di atas, penulis dapat membuat kesimpulan bahawa definisi yang diutarakan oleh Iqbal adalah lebih tepat. Ini memandangkan pengertian Ijtihad yang dikemukakan oleh beliau meliputi dua elemen iaitu “berusaha” dan “kebebasan memberi pandangan.”¹² Pengertian seperti ini sebenarnya menggariskan kehendak maksud Ijtihad itu sendiri.

Dari kepelbagaian definisi di atas, penulis beranggapan bahawa dengan adanya berbagai definisi Ijtihad menyebabkan sukarnya untuk mengesan bilakah waktunya yang dikatakan pintu Ijtihad tertutup.

Beberapa Pandangan tentang Ijtihad

Setelah penulis meneliti bahan-bahan mengenai persoalan di atas, penulis dapat membahagikan pandangan tersebut kepada tiga kumpulan. Kumpulan pertama percaya bahawa pintu Ijtihad sudah tertutup. Kumpulan kedua pula berkeyakinan yang Ijtihad masih terbuka dan kumpulan ketiga yang berada dalam keadaan samar-samar di mana dalam satu keadaan mengatakan sudah tertutup dan dalam keadaan yang lain beranggapan masih terbuka.

1. Kumpulan Pertama: Pintu Ijtihad Sudah Tertutup

Mereka terdiri dari cendekiawan Barat mahupun Islam. Schacht umpamanya mengatakan bahawa doktrin yang dibawa oleh empat imam adalah muktamad walaupun ia bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunnah. Ini menurut pandangan beliau bersesuaian dengan *Ijma'* yang diputuskan di kalangan ulama dalam semua mazhab pada permulaan kurun keempat Hijrah melarang seseorang untuk berijtihad. Ini memandangkan kesemua kehendak perundangan Islam telah ditulis dan diperbincangkan dalam kitab-kitab fiqh. Justeru itu, beliau menafikan perlunya seorang Mujtahid di zaman ini.¹³ Tetapi dalam situasi yang berlainan, Schacht nampaknya menyimpang dari pendiriannya sebelum ini. Beliau kemudiannya beranggapan yang penutupan pintu Ijtihad hanyalah wujud pada teori sahaja dan ia tidak pernah berlaku.¹⁴

Pandangan yang sama juga diberikan oleh Coulson.¹⁵ Menurut beliau, hak untuk berijtihad telah digantikan dengan Taqlid. Apa yang lebih teruk lagi setiap ulama terpaksa menjadi Muqallid dengan menerima doktrin sebelum mereka, walaupun sesetengah penulis moden menganggap keadaan di saat itu terutamanya penaklukan empayar Islam oleh Mohghul pada kurun ketiga belas menyebabkan punca utama mereka bertaqlid.¹⁶

Gibb,¹⁷ seorang sarjana Orientalis berpendapat bahawa majoriti ulama telah menutup pintu Ijtihad untuk selama-lamanya. Bahkan tidak akan wujud seseorang yang layak menjadi Mujtahid. Di dalam bukunya yang berjudul *Modern Trend in Islam*¹⁸ (1947), beliau ada memperkatakan bagaimana ulama (orthodox) menghadkan penggunaan Ijtihad bimbang akan wujud "individu-individu yang memberi pengertian hukum baru".¹⁹ Lima belas tahun kemudian, di dalam bukunya yang lain, *Islam: An Historical Survey*,²⁰ beliau menulis "majoriti ulama besar telah menutup pintu Ijtihad dan tidak membenarkan lagi mana-mana ulama walaupun alim untuk berijtihad.

Perkembangan perundangan Islam telah terhenti semenjak tahun tiga Hijrah lagi."²¹ Pandangan seperti Gibb juga diutarakan oleh cendekiawan lain. Khadduri²² sebagai contohnya pernah menulis memperkatakan pada tahun sepuluh Hijrah segala usaha yang dibuat menyimpang dari ajaran empat mazhab dianggap terkeluar dari ajaran Islam. Oleh itu, amalan Ijtihad secara perlahan-perlahan telah diabaikan dan Taqlid menjadi pegangan umum.

Sebenarnya menurut Khadduri lagi, Taqlid pada awal amalannya adalah untuk mengurangkan jurang perbezaan dalam empat mazhab. Tetapi akhirnya Taqlid telah menguasai arena perundangan Islam dan sedikit demi sedikit Ijtihad tidak dipraktikkan.²³

Begitu juga cendekiawan Barat lain seperti Anderson umpamanya, menulis dalam bukunya *Law Reform in the Muslim World*²⁴ memang telah diketahui umum bahawa pintu Ijtihad telah tertutup dan ulama terkemudian semuanya adalah Muqallidin yang hanya menerima keputusan dari ulama sebelumnya".

Persoalannya, siapakah yang dimaksudkan "memang telah diketahui umum"? Anderson sebenarnya cuba mengelakkan diri dari mengkaji persoalan sama ada pintu Ijtihad masih terbuka atau tidak. Dengan memperkatakan ia telah tertutup, tidak perlu usaha untuk mengenalpasti sesuatu hukum yang bakal mendatang. Pandangan yang cetek juga dikemukakan oleh seorang sarjana Barat yang lain. Tritton²⁵ juga sependapat dengan Anderson yang menganggap "pintu Ijtihad telah tertutup dan ini telah diketahui umum. Para ulama hanya boleh mengembangkan prinsip-prinsip yang telah diasaskan oleh penganas mazhab." Penggunaan ayat "telah diketahui umum pintu Ijtihad telah tertutup" nampaknya kurang tepat. Tritton sendiri pada situasi yang lain berkata "mengikut pandangan lain yang membawa kebaikan adalah baik tetapi Taqlid secara buta tuli adalah dilarang tegas oleh agama."²⁶ Pada pengamatan penulis, kalau dikatakan Taqlid itu salah kenapa ia mampu digantikan dengan Ijtihad. Kemungkinan Taqlid yang dimaksudkan oleh Tritton di sini tidak sama dengan yang dikemukakan oleh Schacht.

Cendekiawan Islam juga tidak ketinggalan dalam mendakwa pintu Ijtihad sudah tertutup. Contohnya Syeikh Husayn al-Jasr²⁷ meletakkan beberapa pra syarat yang ketat ciri-ciri bagi menjadi seorang Mujtahid.²⁸ Pra syarat ini adalah berdasarkan *al-Tankih wa Hawasyihi* di mana al-Jasr menambah syarat-syarat ini hanyalah untuk mereka yang ingin berijtihad Mutlak dan bukannya Ijtihad Muqayyad. Justeru itu al-Jasr berpendapat pengasas imam yang empat sahaja yang mencapai tahap kategori Ijtihad Mutlak dengan mengeluarkan hukum-hukum dari al-Quran dan al-Sunnah.²⁹

Dengan adanya pra syarat yang dikemukakan oleh al-Jasr, beliau mengharamkan amalan Ijtihad di zaman kini. Bagaimanapun, seandainya dilihat pra syarat yang diletakkan oleh beliau, berkemungkinan wujud golongan Mujtahid di zaman sekarang sekiranya orang tersebut memenuhi kriteria yang disebut oleh al-Jasr.

Manakala Muhammad Abu Zahrah pula bersetuju dengan pandangan yang menutup pintu Ijtihad bimbang akan ajaran Islam menyeleweng dari al-Quran, al-Sunnah, Ijma' dan Qiyas semasa kurun lima dan enam Hijrah.³⁰ Berikutan dari itu, beliau mendakwa pengikut-pengikut mazhab Syafi'i dan Hanafi mengambil langkah tertentu mencegah orang ramai dari mengamalkan Ijtihad dikhuatiri akan membawa kepada kejahatan.³¹

2. Kumpulan Kedua: Pintu Ijtihad Tidak Pernah Tertutup

Walaupun terdapat ramai cendekiawan menganggap pintu Ijtihad sudah tertutup, tidak ketinggalan juga ramai yang beranggapan ia masih terbuka luas. Ini adalah kerana semasa kurun kelima Hijrah terdapat ramai ulama yang masih mengamalkan Ijtihad walaupun pada masa tersebut ada anggapan pintu Ijtihad sudah tertutup.³² Menurut Faruki, konsep Ijtihad digunakan dengan meluas di zaman 'Abbasiyyah.³³

Walaubagaimanapun, perkembangan tertentu hanyalah berkisar di sekitar mazhab masing-masing tanpa mahu membebaskan diri dari sangkar tersebut.³⁴

Iqbal dalam menegaskan pandangannya mendakwa salah seorang Mujtahid yang wujud di kurun keenam Hijrah ialah Ibn Taimiyyah.³⁵ Hujah ini disangkal oleh Muhammad Abu Zahrah.

Menurut Abu Zahrah, Ibn Taimiyyah hanya mengambil beberapa pandangan dari ulama silam dan tidak pernah mempraktikkan Ijtihad sebenar.³⁶ Iqbal menyangkal Ijma' telah dibuat oleh keempat imam menutup pintu Ijtihad. Malahan penutupan pintu Ijtihad sebenarnya hanyalah satu kenyataan 'dongeng' dan tidak berasas, dipelupori oleh para intelektual yang malas serta jumud.³⁷

Salah seorang cendekiawan yang mempunyai persamaan fikrah dengan Iqbal ialah Rashid Redha. Dalam penulisan beliau,³⁸ hanya orang-orang politik dan sains sahaja yang mengengahkan isu penutupan pintu Ijtihad. Sebenarnya mereka inilah yang tersilap faham konsep Ijtihad dalam perundangan Islam. Manakala bagi golongan awam pula percaya dengan adanya amalan Ijtihad akan membawa keluar dari ajaran empat mazhab, dan ini akan menyeleweng dari ajaran Islam.

Tambahan lagi, orang-orang politik dan sains beranggapan dengan mempraktikkan Ijtihad akan membawa penubuhan mazhab baru yang akhirnya akan memecah belahkan masyarakat Islam.³⁹

Rashid Redha beranggapan amalan bertaqlid secara buta tuli tanpa menggunakan akal fikiran sebenarnya bercanggah dengan ajaran al-Quran itu sendiri.⁴⁰ Al-Quran memang menunjukkan jalan untuk berjihad dan kebebasan dalam memahami agama itu sendiri.⁴¹ Amalan budaya bertaqlid membantut perkembangan ilmu itu sendiri dan seterusnya menyempit pemikiran orang-orang Islam. Lantaran itu orang-orang Islam dikenali mengetahui sesuatu hukum tanpa hujah atau dalil dan hanya merujuk kepada pandangan mazhab serta ulama masing-masing. Apa yang aneh pula ulama tersebut kemudian merujuk kepada pandangan ulama sebelumnya tanpa mahu mempraktikkan pintu Ijtihad yang diberi. Sebenarnya golongan inilah yang menyekat perkembangan kebebasan memberi pandangan. Mereka seterusnya mengharamkan Ijtihad dan merendah-rendahkan golongan yang berjihad dengan alasan tidak cukup syarat, ilmu dan sebagainya.⁴²

Jamaluddin al-Afghani juga mempunyai pandangan yang sama dengan Rashid Redha dan Iqbal dalam persoalan pintu Ijtihad.⁴³ Beliau mempersoalkan bilakah berlakunya penutupan pintu Ijtihad dan siapakah Imam yang mengarahkan supaya pintu Ijtihad ditutup selepasnya.⁴⁴ Sama seperti Rashid Redha, Jamaluddin menggalakkan penggunaan Ijtihad dengan mengutarakan dua ayat dari al-Quran.⁴⁵ Lagi pun katanya, seandainya keempat-empat pengasas mazhab Sunni hidup di zaman ini, mereka akan terus mengamalkan konsep Ijtihad dengan mengeluarkan hukum dari al-Quran dan al-Sunnah dalam setiap masalah. Dalam hal ini, mereka mengkaji serta mendalami hukum-hukum yang wujud dalam nas serta mengqiaskannya dengan masalah baru untuk mencari hukum baru.⁴⁶

Kita seterusnya mendapati seorang cendekiawan Islam di mana penulisannya dalam tahun 1980-an ada merujuk kepada persoalan penutupan pintu Ijtihad tetapi menolak penyempitan amalan dan penutupannya.⁴⁷ Sebenarnya menurut Hallaq, Ijtihad merupakan satu bahagian terpenting dalam teori perundangan Islam kerana ia merupakan satu elemen dalam mencari sesuatu hukum⁴⁸ Tambahan lagi, pra syarat menjadi seorang Mujtahid mudah dipenuhi dan dipermudahkan dengan kepelbagaian sumber. Justeru itu, kita dapat menggalakkan ulama yang berkemampuan untuk mempraktikkannya.⁴⁹

Sebenarnya amalan Ijtihad bukan hanya disukai oleh ulama Sunni malah ulama dan mazhab yang mengingkarinya telah dipencilkan oleh ulama silam. Contoh mazhab yang ditolak seperti Mazhab Daud al-Zahiri adalah berdasarkan penolakannya terhadap amalan Ijtihad.⁵⁰ Menurut pengamatan beliau, amalan Ijtihad merupakan suatu tanggungjawab agama yang mesti dipikul oleh ulama yang berkemampuan. Alasan-alasan yang diberi:⁵¹

- (a) Ulama yang berkemampuan berjihad wujud dalam semua masa.
- (b) Amalan Ijtihad telah digunakan dalam perkembangan hukum selepas terbinanya mazhab-mazhab.

- (c) Sehingga tahun 500 Hijrah, tidak kedapatan ungkapan *insidad bab al-Ijtihad* atau kesan-kesan penutupannya.

Alasan yang mengatakan Ijtihad sudah lengkap dari perkembangan hukum dalam Islam hanya wujud apabila para Mujtahid enggan untuk mempraktikkannya atau ia dianggap suatu yang luarbiasa. Begitu juga ia akan lenyap dengan tidak adanya ulama yang berkemampuan untuk berbuat demikian.

Dari situ, barulah boleh kita beranggapan yang pintu Ijtihad tertutup. Selain wujudnya ulama yang berkemampuan dan memenuhi syarat selagi itulah wajibnya mereka berijtihad.⁵²

Walaupun penulisan Hallaq dibuat pada tahun 1984, terdapat seorang lagi penulis lain yang mempunyai pandangan sama lebih awal dengannya iaitu pada tahun 1911. Abdul Rahim⁵³ menegaskan bahawa syarat menjadi seorang Mujtahid tidak begitu susah dipenuhi, malah konsep Ijma' menunjukkan seseorang Mujtahid wujud di setiap zaman.⁵⁴ Sekiranya konsep Ijtihad sudah berakhir kemunculan empat mazhab, sudah tentu pengikut-pengikutnya mesti memaklum penutupannya dalam buku-buku.⁵⁵ Beliau menyeru supaya pandangan yang menutup pintu Ijtihad dihapuskan, dan menyokong penuh akan wujudnya Mujtahid di zaman sekarang.⁵⁶

Kalau diteliti penulisan oleh Hourani⁵⁷ pada tahun 1962 pula, dua perbandingan boleh dibuat. Pertama, terjemahan oleh al-Makhzumi terhadap kenyataan al-Afghani di mana "pintu Ijtihad tidak pernah ditutup dan menjadi kewajipan bagi manusia mengamalkannya."⁵⁸ Kedua, Hourani menterjemahkan kenyataan Muhammad Abduh yang berasal dalam bahasa Arab dan kemudiannya dalam bahasa Perancis berjudul *Le Commentaire Coranique du Mana* seperti berikut: "Ijtihad individu tidak dibenarkan walaupun ia penting",⁵⁹ meskipun hanya Mujtahid sahaja yang boleh mempraktikkannya.⁶⁰ Merujuk kepada kenyataan Abduh, "perkembangan Ijma' memang berlaku tetapi ia tidak dapat menutup pintu Ijtihad".⁶¹

Kenyataan Abduh juga telah dipetik oleh Gibb dalam bukunya *Whither Islam?* Amat menarik sekali apabila Gibb memetik pandangan Abduh menyuruh membuka semula pintu Ijtihad. Kenyataan sebenarnya tidak berapa tepat. Abduh tidak pernah beranggapan yang pintu Ijtihad tertutup. Bagaimana boleh Gibb mengatakan Abduh menyuruh membuka semula pintu Ijtihad sedangkan Abduh tidak pernah berpandangan pintu Ijtihad tertutup?⁶²

3. Kumpulan Ketiga: Golongan Tidak Jelas Sama Ada Pintu Ijtihad Pernah Terbuka atau Tertutup

Sell pada tahun 1896, dalam lampiran bab pertama buku beliau bertajuk *The Faith of Islam*⁶³ menggambarkan alasan sejarah kenapa amalan Ijtihad dikurangkan tetapi tidak mengutarakan penutupan pintu Ijtihad. Tetapi pada tahun 1913, beliau mendakwa amalan Ijtihad mustahil dipraktikkan.⁶⁴

Pada tahun 1954, Kemal Faruki menemubual mufti Muhammad Syafti mengenai

Ijma' dan pintu Ijtihad.⁶⁵ Dalam responnya, mufti berkenaan menggariskan amalan Ijtihad hanya boleh diamalkan dalam perkara-perkara baru yang tidak ditetapkan oleh *Ijma'*.⁶⁶ Perlu ditegaskan di sini, mufti berkenaan tidak langsung menggunakan istilah “penutupan pintu Ijtihad”.⁶⁷ Bagaimanapun Faruki semasa menggulung penulisannya ada mengutarakan pintu Ijtihad dan penutupannya. Nampaknya ada ketidaksamaan fakta dalam kedua-dua sumber di atas.

Tetapi kalau dilihat kepada cendekiawan seperti Watt dalam makalahnya yang bertajuk “The Closing of the Door of Ijtihad”,⁶⁸ kita dapati beliau tidak berapa senang dengan kenyataan Schacht terhadap penutupan pintu Ijtihad terutamanya penutupannya di kurun kesepuluh.⁶⁹ Dengan merujuk penulisan Syawkani, *Irsyad al-Fuhul ila Tahqiq al-Haqq min Ilm al-Usul*, Watt beranggapan persoalan penutupan pintu Ijtihad tidak disepakati oleh ulama. Tetapi beliau pernah mengatakan pengikut-pengikut mazhab Shafi'i, Maliki, dan Hanafi pernah menyuarakan agar pintu Ijtihad sepatutnya ditutup. Manakala mazhab Hanbali menafikan penutupannya langsung.⁷⁰ Nampaknya beliau tidak pasti sama ada pintu Ijtihad sudah tertutup ataupun tidak.

Weiss dalam penulisannya pada tahun 1978 nampaknya tidak berupaya membuat keputusan sama ada Ijtihad sudah berakhir atau tidak sama ada dari sudut teori atau kebenarannya.⁷¹ Beliau mendakwa ulama enggan melakukan Ijtihad dan ini membawa kepada penutupan pintu Ijtihad.⁷² Tetapi dalam nafas yang sama, beliau menafikan penutupan pintu Ijtihad. Malah agak pelik, kemudian beliau mengemukakan yang *Ijma'* telah dicapai oleh ulama menutup pintu Ijtihad di akhir kurun ketiga.⁷³ Di akhir penulisannya beliau bersetuju Ijtihad tidak pernah hilang tetapi dalam ayat terakhirnya pula mengandalkan penutupan pintu Ijtihad hanyalah suatu kemungkinan dan bukannya suatu realiti.⁷⁴

Kesimpulan

Dari perbincangan singkat di atas, penulis dapat mengandaikan bahawa di penghujung kurun kesembilan belas dan awal kurun kedua puluh, kebanyakan penulis masih ragu-ragu, masih kabur atau tidak dapat memutuskan persoalan mengenai penutupan pintu Ijtihad. Dari pengamatan penulis, kita dapati konsep penutupan pintu Ijtihad tidak diterima secara universal terutamanya di akhir kurun ke sembilan belas dan di awal kurun Kedua Puluh. Prasa “penutupan pintu Ijtihad” hanya dikenali pada tahun 1927 dalam penulisan Ostorong berjudul *Angora Reform*.⁷⁵ Bermula dari tahun 1927 sehinggalah lima puluh tahun kemudian, konsep berakhirnya amalan Ijtihad mula bertapak dari kekaburan dan perbalahan doktrin kepada adanya kebenaran kewujudannya. Dari saat itulah, cendekiawan seperti Watt dan Hallaq telah memberi nafas baru terhadap konsep tersebut.⁷⁶

Persoalannya sekarang kenapakah adanya perbincangan mengenainya secara serius selepas lima dekad berlalu?

Berkemungkinan banggunya Orientalisme pada kurun kesembilan belas tidak boleh dinafikan salah satu faktornya. Satu kenyataan yang pernah digambarkan

oleh Edward Said dalam bukunya *Orientalism*.⁷⁷ Dalam memperkatakannya, Said merujuk kepada penulisan Gibb berjudul *Modern Trends in Islam*.⁷⁸

Menurut Said, konsep berakhirnya Ijtihad adalah penting diutarakan memandangkan kita tidak berapa jelas samada ia pernah berlaku atau tidak. Tetapi kemungkinan prasa penutupan pintu Ijtihad difahami oleh Orientalis kerana mereka tidak mahu memikirkannya lagi. Justeru itu, perkembangan hukum Islam terbantut dan terbelakang, dan inilah cita-cita mereka.⁷⁹ Kerana itu tidak hairanlah terdapat ramainya golongan Orientalis membincangkan konsep Ijtihad seperti Ostrorog, Gibb dan Brown.⁸⁰

Satu persoalan lain yang perlu dikemukakan, kenapakah wujudnya kefahaman umum tentang penutupan pintu Ijtihad. Kalau dilihat dari perundangan Sunni, memang ternyata pandangan tentang penutupannya tetapi tidak dalam perundangan Syiah.⁸¹ Kita juga telah menyentuh tentang mundurnya perkembangan hukum dalam Islam akibat penutupan pintu Ijtihad. Kalau kita percaya bahawa pintu Ijtihad sudah tertutup di kalangan Sunni dan tidak dalam Syiah, persoalan seterusnya kenapakah wujud perbezaan di antara 700 hingga 1000 tahun di antara perundangan Sunni dan Syiah? Ini sukar dijawab meskipun kita memahami jurang perbezaan ideologi perundangan dalam kedua-dua perundangan ini.

Hasil dari perbincangan di atas, penulis dapat membuat anggapan bahawa dakwaan terhadap penutupan pintu Ijtihad tidak dapat dibuktikan dengan jelas terutamanya ketiadaan bukti yang tepat tentang waktu dan siapa yang menutupnya.

Apa yang jelas hanyalah amalan Ijtihad kurang dipraktikkan dengan adanya bertaqlid. Tetapi di sini penulis tidak beranggapan yang Taqlid menghapuskan sama sekali proses Ijtihad tetapi amalan Ijtihad kurang dipraktikkan. Untuk mengatakan pintu Ijtihad sudah tertutup dan tidak dibuka lagi mungkin juga kurang tepat. Ini bersesuaian dengan kewujudan al-Quran sebagai panduan dan al-Sunnah dalam menerangkan kandungan al-Quran. Manakala penggunaan al-Ra'y menunjukkan betapa pentingnya kebebasan berijtihad. Walau bagaimanapun, kajian seterusnya dalam hal ini perlu diteruskan bagi mendapat kesimpulan yang lebih adil.

NOTA HUJUNG

1. Abdul Rahim, *The Principles of Muhammadan Jurisprudence According to the Hanafi, Maliki, Syafi'i and Hanbali Schools*, Madras, 1911, h. 168-169.
2. Fazlur Rahman, "Post-Formative Developments in Islam", *Islamic Studies*, Karachi, 1962. H. 14; lihat juga Schacht, J., *An Introduction to Islamic Law Oxford*, 1964. h. 69.
3. Rudolph Peters, "Ijtihad and Taqlid in 18th. and 19th. Century of Islam", *Die Welt des Islam*, XX, 3-4, h. 135.
4. Watt, W. Montgomery, "The Closing of the Door of Ijtihad", 1 *Orientalia Hispanica*, Lieden, 1974, h. 678.
5. *Ibid.*
6. Hallaq, Wael, "Was the Gate of Ijtihad Closed?", *International Journal Middle East Studies*, 1984, h. 3-41.
7. Rudolph Peters, *op.cit*, h. 135.
8. Sell, Edward, *The Faith of Islam*, London, 1896, h. 32.
9. Weiss, B., "Interpretation in Islamic Law: Theory of Ijtihad", 26 *American Journal Comparative Law*, 1978, h. 207.
10. Iqbal, Muhammad, *The Reconstruction of Religious Thought in Islam*, Lahore, 1930, h. 208.
11. Ali Muhammad, *The Religion of Islam*, Lahore, 1936, h. 96.
12. Iqbal, *op.cit*.
13. Schacht, *op.cit*, h. 70-71 & 211; lihat juga Coulson, N.J., *A History of Islamic Law*, Edinburgh University Press, 1991, h. 80-81.
14. *Ibid*, h. 69.
15. Coulson, *op.cit.*, lihat juga Coulson, "Doctrine and Practices in Islamic Law", *BSOAS*, XVIII/2, 1956.
16. *Ibid.*
17. Gibb, H.A.R, *Whither Islam?*, 1932, h. 67.
18. *Ibid.*, *Modern Trend in Islam*, 1947, h. 13.
19. *Ibid.*
20. *Ibid.*, *Islam: An Historical Survey* (sebelum ini terkenal dengan *Mohammadanism*), 1962, h. 13.
21. *Ibid.*
22. Khadduri, M., "From Religious to National Law", Thompson & Reishauer (Edt), *Modernization of the Arab World*, 1966, h. 41.
23. *Ibid.*, lihat juga David Pearl, *A Textbook on Muslim Personal Law*, Edisi Kedua, Croom Helm, Kent, 1987, h. 14.
24. Anderson, J.N.D., *Law Reform in the Muslim World*, 1976, h. 7.
25. Tritton, A.S., *Materials on Muslim Education in the Middle Ages*, London, 1957, h. 163.
26. *Ibid.*
27. al-Jasr, Husayn, *al-Risalah al-Hamidiyyah*, Kaherah, 1904, h. 331.

28. *Ibid.*
29. *Ibid.*
30. Muhammed al-Makhzumi, *Khathirat Jamaluddin*, Beirut, 1931, h. 178.
31. *Ibid.*
32. Lihat Faruki, K.A., *Islamic Jurisprudence*, Edisi Kedua, Pakistan Publishing House, Karachi, 1962, h. 80.
33. Pada zaman tersebut telah lahir empat mazhab Sunni.
34. Faruki, *op.cit.*
35. Iqbal, *op.cit.*, h. 148.
36. Muhammed al-Makhzumu, *op.cit.*
37. Iqbal, *op.cit.*, lihat juga Muhammad Hashim Kamali, *Principles of Islamic Jurisprudence*, Pelanduk Publications, Malaysia, h. 490ff.
38. *Al-Manar*, Jld. I, 1898, h. 893, Jld. II, 1898, h. 359-361.
39. *Ibid.*
40. *Ibid.*
41. *Ibid.*
42. *Ibid.*
43. Muhammad al-Makhzumi, *Kathirat Jamaluddin*, h. 178.
44. *Ibid.*
45. *Ibid.*, Dari ayat tersebut Jamaluddin membuat kesimpulan yang al-Quran hanya diturunkan ke atas manusia supaya mereka memahaminya. Dengan ini manusia dapat menggunakan kecerdikan yang dianugerahkan demi mengetahui maksud sesuatu ayat serta memahami hukum-hukum dan sebab-sebab turunnya ayat tersebut.
46. *Ibid.*
47. Hallaq, Wael B., "Was the Gate of Ijtihad Closed ?" *International Journal Middle East Studies*, Bil. 16, 1984, h. 3-41.
48. *Ibid.*
49. *Ibid.*
50. *Ibid.*
51. *Ibid.*
52. *Ibid.*
53. Abdul Rahim, *op.cit.* h. 173.
54. *Ibid.*
55. Lihat juga Mahmood Zuhdi, "Ijtihad: Apa, Mengapa Dan Bagaimana?" *Beberapa Pemikiran Tentang Ijtihad, Islah dan Tajdid*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Cet. Pertama, 1994, h. 13.
56. Abdul Rahim, *op.cit.*
57. Hourani, Albert, *Arabic Thought in the Liberal Age*, London, 1962, h. 223.
58. *Ibid.*
59. *Ibid.*, h. 127.
60. *Ibid.*, h. 147.
61. *Ibid.*

62. Lihat juga Coulson, *op.cit.*, h. 202.
63. Sell, Edward, *op.cit.*
64. *Ibid.*, "Reform Influences on Mohammadan Law", *Muslim World*, 1913, h. 356.
65. Faruki, Kemal, *Ijma' and the Gate of Ijtihad*, Karachi, 1954, h. 7-9.
66. *Ibid.*, h. 9.
67. *Ibid.*
68. Watt, W. Montgomery, *op.cit.* h. 675-678.
69. *Ibid.*
70. *Ibid.*
71. Weiss, *op.cit.*
72. *Ibid.*
73. *Ibid.*
74. *Ibid.*
75. Ostrorog, *The Angora Reform*, London, 1927, h. 29.
76. Watt, *op.cit.*, Hallaq, *op.cit.*
77. Said, Edward, *Orientalism*, 1978, h. 105-106.
78. Gibb, *op.cit.*
79. Said, Edward, *op.cit.*
80. Lihat Ostrotog, *op.cit.*, Brown, L.E., "The Development of Islam", *Muslim World*, 1934, h. 14.
81. Lihat umpamanya Liebesny, *op.cit.*, h. 495.